

**PERADABAN DALAM ASPEK MUAMALAT: SEJARAH
PERKEMBANGAN PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA DAN
HUBUNGANNYA DENGAN ASIA BARAT**

Mohd Daud Bin Awang & Amaludin Ab.Rahman

ABSTRAK

Perkembangan perbankan Islam di Malaysia adalah sebahagian senario dalam perkembangan perbankan Islam di Asia Barat. Penulisan dalam bidang perbankan Islam telah bermula sejak pertengahan dekad lima puluhan lagi. Namun hakikatnya, peradaban dalam bidang perbankan Islam telah dibahaskan oleh ulama silam abad kedua dan dikenali sebagai ilmu Muamalat. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan di mana pengkaji membuat rujukan dengan pelbagai sumber di perpustakaan. Justeru, kertas kerja ini membincangkan dua perkara iaitu peradaban ilmu Muamalat asas kepada ilmu perbankan Islam dan hala tuju perkembangan perbankan Islam di Malaysia dan kedua hubungan Malaysia dengan Asia Barat dalam memperkasakan perbankan Islam di peringkat antarabangsa.

Kata Kunci: peradaban, muamalat, perbankan Islam

**CIVILIZATION IN ASPECT OF MUAMALAT:
HISTORY OF ISLAMIC BANKING DEVELOPMENT IN
MALAYSIA AND ITS RELATIONS WITH SOUTH ASIA**

ABSTRACT

The Islamic banking development in Malaysia is a part of Islamic development scenario in West Asian. The writing in Islamic banking has started in the middle of the Decade of the 1950s. In fact, the civilisation of Islamic banking has debated by Ulama' since the second century as known is knowledge of Muamalat. This study use the library methodology that the researcher refered to various sourses in library. Thus this paper has point out two things, firstly the knowledge of Muamalat as a sources to Islamic banking and secoundly, is the relationship between Malaysia and Middle East in empowering of Islamic banking internationally.

Keywords: *civilization, transactions(muamalat), Islamic banking*

PENGENALAN

Dari sudut sejarah, hubungan perdagangan antara masyarakat Melayu dengan bangsa Arab telah wujud sebelum Islam lagi, malah saudagar Islam yang berdagang di kepulauan Melayu telah menyebarkan Islam di gugusan kepulauan Melayu. Kepulauan Melayu dikenali oleh masyarakat Arab sebelum Islam lagi sebagai pusat perdagangan rempah. Ia menjadi terkenal kerana kedudukannya yang menjadi laluan utama kepada perdagangan antara China dan India. Jika masyarakat hari ini melihat bahawa sistem kewangan dan perbankan tidak dapat dipisahkan dengan urusan perniagaan maka Melaka dan Makkah merupakan pusat perbankan bagi masyarakat pada masa dahulu yang menjalankan aktiviti pasar mereka atau disebut dalam Islam aktiviti muamalat. Menurut Ahmad Zaki, Makkah telah menjadi pusat bank serta tempat perhentian untuk perjalanan perdagangan Yaman ke Syria (Ahmad Zaki Hj. Abd Latiff (1997). Berdasarkan sejarah Islam Makkah, Baghdad dan Basrah merupakan pusat-pusat perdagangan yang telah menjadi pusat perdagangan dunia pada ketika itu sehinggalah hubungannya dengan kerajaan-kerajaan Melayu.

Dalam peradaban moden, sistem perbankan telah menggantikan banyak transaksi perniagaan atau muamalat bagi urusan perniagaan, khususnya transaksi yang melibatkan jumlah harga yang besar atau bayaran tertangguh atau hutang dan seumpamanya. Sebelum pelaksanaan perbankan Islam diperkenalkan. Masyarakat Islam di seluruh dunia yang telah lama dijajah barat terpaksa menggunakan sistem perbankan konvensional yang berdasarkan kepada riba. Masyarakat Islam di Malaysia contohnya telah diperkenalkan dengan perkhidmatan perbankan pada tahun 1958 dengan penubuhan Bank Pusat Tanah Melayu. (Lee Sheng-Yi, 1986).

Sejarah perbankan Islam telah bermula di Mesir dengan penubuhan Syarikat Mit Ghamr (*Mit Ghamr Local Saving Bank*) pada awal tahun 1963, sebagai bank Islam pertama di dunia (Abd. Mu'min Ab. Ghani, 1999; Joni Tamkin bin Borhan, 2001). Sekitar tahun 70-an dan 80-an berlaku penubuhan bank-bank Islam dengan pesat di dunia, terutama sekali negara-negara Islam di Timur Tengah atau Asia Barat. Bagi masyarakat Malaysia, penubuhan bank Islam pada tahun 1983, adalah sebahagian daripada perkembangan sistem perbankan Islam yang telah dimulakan dengan penubuhan Perbadanan Wang Simpanan Bakal-bakal Haji (PWSBH) pada tahun 60-an. Kini badan PWSBH dikenali dengan nama Lembaga Tabung Haji (Mohd Daud Awang, 2007).

Hakikat perkembangan perbankan Islam di Malaysia merupakan kejayaan umat Islam dalam peradaban moden hasil hubungan Malaysia dan Asia Barat.

Pengertian Muamalat

Muamalat merupakan persoalan yang amat penting dalam kehidupan manusia kerana tanpanya manusia tidak dapat memenuhi dan menyempurnakan hajat serta keperluan mereka. Secara umumnya, muamalat boleh diertikan sebagai kaedah urusaniaga atau kontrak perniagaan.

Dari segi bahasa perkataan muamalat atau bunyinya *mu'amalah* berasal daripada perkataan Arab. Ia merupakan nama terbitan daripada kata kerja *'amala* yang bermaksud melakukan urusan di antara dua pihak atau lebih. Perubahan perkataan *mu'amalah* seperti berikut:

'amala - yu'amilu - mu'amalah

Ia bererti mengatur sesuatu urusan dengan seseorang dalam *al-Bay'* (jual beli) atau sebagainya sama ada berbentuk adil atau tidak (*al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Asasiyy* t.th : 867). Ibn Manzur salah seorang ahli bahasa Arab yang terkenal berkata: *Mu'amalah* diambil dari susunan percakapan “Si polan telah berurusan dengan seseorang dalam suatu bentuk *mu'amalah*” (Ibn Manzur t.th Jil. 1: 3108). Dalam *Mu'jam Lughatu al-Fukhaha'* perkataan *mu'amalah* bermakna suatu transaksi dengan seseorang. Jika ditambah dengan perkataan “*al-Misl*” iaitu “*Mu'amalah al-Misl*”, maka ia memberi maksud dalam persoalan hak ertinya seseorang berhak mengambil hak-haknya setelah ia melaksanakan kewajibannya. (*Mu'jam Lughatu al-Fuqaha'* 1988: 438). Menurut *al-Mu'jam al-Wasit* iaitu, *mu'amalah* merupakan hukum-hukum syariah yang berkaitan dengan urusan dunia seperti *al-Bai'* (jual-beli), *al-Ijarah* (sewa) dan lain-lain (*al-Mu'jam al-Wasit* 1989 Jil. 2: 628).

Manakala pengertian istilah muamalat menurut syarak antaranya ialah:

1. Ibn 'Abidin memberikan dua pengertian:
 - a. Muamalat merupakan lima perkara iaitu pengurusan harta, perkahwinan, urusan perbalahan, urusan amanah dan pewarisan. (Ibn 'Abidin 1979 Jil. 1 : 79)

- b. Muamalat ialah melaksanakan masalah-masalah manusia seperti *al-Bai'* (jual beli), *al-Kifalah* (Penanggungan), *al-Hiwalah* (Pertukaran Kontrak Hutang), dan sebagainya (Ibn 'Abidin, 1979 Jil. 4 : 500).
2. Al-Shaukani: Muamalat ialah segala urusan muamalah duniawiyyah. (al-Shaukani t.th Jil. 5:141)
 3. Al-Syatibi: Sesuatu yang merujuk kepada masalah manusia iaitu urusan seseorang dengan orang lain seperti dalam perpindahan pemilikan dengan sesuatu benda atau tanpa sesuatu benda melalui suatu kontrak untuk tujuan penjagaan atau pemanfaatan atau barang untuk perniagaan (al-Syatibi t.th Jil. 2: 8).
 4. Shaikh Ibrahim Al-Baijuri : Muamalat ialah pengurusan *mal* (harta) yang dilakukan oleh dua pihak atau lebih seperti perkongsian, pinjaman, sewaan dan apa yang berkaitan dengannya.(al-Baijuri 1994 Jil. 1: 649)
 5. Dr.Mustafa al-Bugha, Dr. Mustafa al-Khin & Ali Sharbaji : Muamalat ialah hukum-hukum yang berkaitan dengan perbuatan manusia, ia merupakan muamalat satu pihak dengan pihak yang lain dalam jual beli, gadaian, sewaan, dakwaan serta keterangan, penghukuman dan sebagainya (Dr. Mustafa al-Bugha (et al), 1991 Jil. 1: 12-13)

Berdasarkan pengertian-pengertian muamalat di atas menunjukkan kebanyakan ulama' telah mengkhususkan pengertiannya kepada apa yang berkaitan dengan urusan perniagaan melalui kontrak-kontrak tertentu. Demikian juga, dalam susunan tajuk dalam kitab-kitab fiqh seperti *al-Iqna'* oleh Shaikh al-Syarbini, *Kifayatu al-Akhyar* oleh Imam Taqiuddin al-Shafi'iy dan lain-lain lagi, di sana terdapat susunan yang jelas hukum akad-akad urusaniaga dalam bab muamalat seperti *al-Bay'*, *al-Salam*, *al-Riba*, *al-Khiyar*, *al-Rahn*, *al-Sulh*, *al-Daman*, *al-Syarikah*, *al-Wakalah*, *al-Hiwalah*, *al-Shuf'ah*, *al-Ja'alah*, *al-Wasiyyah*, *al-Musaqah*, *al-Muzaraah*, *al-Ijarah*, *al-'Ariah*, *al-Wadi^Cah*, *al-Qard*, *al-Wakaf* dan *al-Hibbah*.

Sejarah Peradaban Muamalat Dalam Bangsa Arab Dan Islam

Hakikatnya dalam sejarah Islam, institusi perbankan Islam adalah sebuah syarikat kewangan dan perbankan sebagaimana yang diamalkan pada hari ini belum wujud zaman baginda s.a.w. Aktiviti-aktiviti muamalat atau amalan kewangan yang dijalankan secara individu kepada individu yang lain atau suatu kumpulan kepada kumpulan yang lain adalah sangat aktif di Makkah atau disebut dengan

nama “ *Bakkah*” (Surah Ali °Imran : 96). Sesungguhnya Makkah pada ketika itu amat terkenal sebagai pusat perdagangan di Tanah Arab sejak zaman jahiliah lagi atau sebelum kedatangan Islam atau baginda s.a.w. lagi (Ahmad Al-Hasari, 1986). Ia terkenal kerana wujudnya Ka’bah dan terdapat banyak pasar-pasar perniagaan serta perdagangan dari seluruh dunia di situ. Tambahan, bangsa Arab telah mengetahui banyak bentuk perjanjian termasuk perjanjian-perjanjian perniagaan seperti menjamin keselamatan perjalanan perniagaan antara Makkah dengan Syam (Ahmad Al-Hasari, 1986). Golongan hartawan Makkah pada ketika itu giat mencari keuntungan dengan memberikan pinjaman wang mereka kepada golongan peniaga sebagai amalan pelaburan yang menguntungkan. Menurut Dr. Sudin Haron, Makkah merupakan pusat perdagangan yang menjadi laluan dan persinggahan pedagang dari utara ke selatan, oleh itu sudah semestinya aktiviti deposit dan pinjam meminjam berkembang pesat serta urusan niaga yang melibatkan tukaran wang menjadi salah satu aktiviti utama ketika itu (Sudin Haron, 1999).

Pada abad ke-7, kedatangan Islam di bumi Arab dengan pengutusan Nabi Muhammad s.a.w menunjukkan bahawa Islam telah muncul dalam masyarakat yang mempunyai peradaban yang tinggi dalam kegiatan ekonomi, khususnya dalam aspek muamalat. Dalam dunia perdagangan yang sedang pesat membangun, baginda s.a.w. berjaya membangunkan kerajaan Islam dengan aktiviti-aktiviti muamalat atau perniagaan dan perdagangan atau dalam dalam ertikata yang lebih luas, baginda berjaya memajukan kegiatan ekonomi sesuai dengan zaman tersebut. Baginda s.a.w, meneruskan aktiviti muamalat yang sedia ada yang diamalkan oleh masyarakat ketika itu selagi ia tidak bercanggah dengan ajaran Islam seperti *al-Salaf* atau *al-Salam* (kontrak bayaran dibuat dahulu) dan juga *al-Mudarabah* (kontrak pelaburan). Di samping itu, baginda telah memperbetulkan banyak aktiviti pasar yang penuh dengan penipuan dan penindasan dengan cara yang adil. Baginda s.a.w telah menjadi contoh sebagai pemegang amanah dalam amalan penyimpanan harta seseorang.

Kepentingan aktiviti pasar atau muamalat pada zaman baginda s.a.w dapat digambarkan di dalam peristiwa Hijrah baginda telah membina dua institusi iaitu institusi masjid dan institusi pasar. Institusi pasar menunjukkan bahawa betapa pentingnya kegiatan ekonomi dan institusi masjid melambangkan asas Ibadah. Hal ini menunjukkan bahawa kegiatan ekonomi tidak terpisah daripada pembangunan kerohanian (Ab. Rashid bin Hj. Dail, 1994). Menurut Ahmad bin

Yusuf bin Ahmad al-Darwish, al-Samhudi menyatakan dalam kitabnya “*Wafa’ al-Wafa’ bi Akhbar Dar al-Mustafa*” bahawa tatkala Nabi s.a.w. sampai di Madinah dalam peristiwa Hijrah, baginda s.a.w. telah menentukan suatu kawasan yang bernama “*Baqi’ al-Zubayr*” sebagai pasar (Ahmad bin Yusuf bin Ahmad al-Darwish, 1989). Kerajaan Islam di bawah pemerintahan baginda s.a.w dan kerajaan Islam awal berjaya mengembangkan aktiviti muamalat pada ketika itu bukan hanya di kalangan negara-negara Arab sahaja malah hubungan perdagangan dan perniagaan telah meluas hingga ke Iran, Afrika, China, India dan lain-lain negara di Asia seperti yang berlaku dalam kerajaan Umawiyah dan Abbasiyyah.

Pada zaman pemerintahan Abbasiyyah pusat pemerintahan Baghdad telah menjadi tumpuan sebagai pusat perdagangan dunia. Menurut beberapa sumber lain, wang Islam telah sampai ke negara-negara di seluruh dunia sebagai matawang perdagangan dunia (Subhi al-Salih, 1983; Ibrahim bin Salih ^{Umar}, 1996). Ini menunjukkan kejayaan umat Islam kerana berjaya meletak nilai matawang Islam sehingga digunapakai oleh masyarakat antarabangsa ketika itu. Wang Islam yang didokongi oleh bangsa Arab mula diperkenalkan semasa pemerintahan Saidina ^{Umar} al-Khattab r.a. Kedudukan wang Islam erus berkembang semasa kerajaan Umawiyah dan Abbasiyyah. Kejayaan tersebut menunjukkan bahawa ajaran Islam telah membawa kemajuan umatnya dalam sistem kewangan dan perdagangan suatu ketika dulu. Selain kota Baghdad, kota Basrah juga menjadi bandar yang paling pesat dengan aktiviti perdagangan semasa kerajaan Abbasiyyah (Subhi al-Salih, 1983). Kesimpulannya, aktiviti-aktiviti kewangan seperti peminjaman, penyimpanan dan pelaburan sudah tidak asing di kalangan masyarakat Islam sejak dahulu lagi dan sebelumnya.

Transaksi-Transaksi Muamalat dalam Sejarah Islam Sebagai Asas Sistem Perbankan Islam Moden

Walaupun pada zaman Rasulullah s.a.w., para sahabat dan kerajaan-kerajaan awal Islam belum wujud institusi kewangan dan perbankan seperti hari ini, tetapi aktiviti-aktiviti yang diamalkan dalam sistem perbankan seperti penyimpanan, peminjaman dan juga pelaburan telahpun diketahui masyarakat Islam ketika itu. Aktiviti-aktiviti perniagaan dan perdagangan pada zaman baginda s.a.w. yang dikenali sebagai muamalat atau *al-Mu’amalah*. Baginda s.a.w. dan para sahabat telah menunjukkan pelbagai konsep dan prinsip muamalah yang boleh

diamalkan dalam sistem perbankan Islam seperti *al-Bay'*, *al-Ijarah*, *al-Mudarabah*, *al-Syirkah*, *al-Kafalah*, *al-Hawalah*, *Bay' al-Ajal*, *al-Salam*, *al-Rahn* dan sebagainya. Antara aktiviti-aktiviti muamalat adalah seperti berikut:

i. Aktiviti Penyimpanan

Aktiviti penyimpanan merupakan kemudahan utama dalam sistem perbankan. Amalan tersebut bukan sahaja terkenal di Makkah, malah Nabi Muhammad s.a.w. sendiri sebelum diutus menjadi rasul telah dijadikan sebagai pihak yang paling dipercayai untuk diberikan amanah menyimpan harta. Sesungguhnya dalam kalangan masyarakat Makkah. Baginda s.a.w. memang terkenal sebagai individu yang paling amanah dan beliau diberi gelaran *al-Amin* (orang yang paling jujur). Dalam peristiwa hijrah baginda s.a.w, amanah penyimpanan harta beberapa individu telah diamanahkan kepada Saidina Ali k.w untuk dipulangkan segala simpanan tersebut kepada tuan masing-masing (Sudin Haron, 1996). Berdasarkan amalan tersebut amalan penyimpanan hendaklah dilakukan dengan pihak yang memiliki sifat amanah dan jujur yang tinggi supaya barang yang disimpan diyakini selamat daripada sebarang penipuan. Para sarjana Islam melihat konsep amanah amat sesuai dengan amalan kemudahan simpanan bank dan mereka berpandangan prinsip *al-Wadi'ah* harus dijadikan akad dalam akaun simpanan perbankan Islam (Mohd Bakir Hj. Mansor, 1998; Nor Mohamed Yaacop, 1996).

ii. Aktiviti Penyimpanan dengan Konsep Peminjaman (*al-Qard*)

Al-Zubayr bin Auwam terkenal sebagai seorang sahabat yang tidak menerima wang orang ramai dalam bentuk simpanan tetapi menerima dalam bentuk pinjaman (Ibrahim bin Salih Umar, 1996). Abdullah bin al-Zubayr iaitu anak kepada al-Zubayr menceritakan, apabila orang ramai datang untuk berjumpa bapanya bagi menyimpan wang, mereka akan dijelaskan oleh bapanya bahawa wang itu adalah suatu pinjaman (*al-Qard*) dan bukannya simpanan (*al-Wadi'ah*) kerana bapa beliau berasa takut wang tersebut akan hilang dan orang ramai akan menanggung risiko. Berdasarkan prinsip di atas, Islam telah menunjukkan satu lagi kaedah penyimpanan berdasarkan amalan Sahabat baginda s.a.w. yang mengamalkan konsep pinjaman (*al-Qard*) bagi amalan penyimpanan. Maksud konsep tersebut ialah peminjam bertanggungjawab untuk memulangkan semula wang tersebut kepada pemiliknya apabila dituntut oleh tuannya. Sarjana Islam melihat dalam amalan muamalah tersebut, al-Zubayr telah menunjukkan

kebijaksanaannya bagi mengurus sesuatu perjalanan kewangan yang mana dengan perjanjian tersebut kedua-dua pihak mendapat manfaat dan perlindungan yang sangat baik. Maksud tersebut meliputi dua objektif iaitu pertamanya, pihak yang mengambil wang pinjaman mempunyai hak untuk menggunakannya dan harus memiliki keuntungan daripada urus niaga wang tersebut. Kedua, penyimpan atau tuan harta tersebut boleh menjalankan usahasama dengan pihak yang menyimpan hartanya bagi mendapat keuntungan daripada wang tersebut. Jika simpanan atau deposit itu tidak digunakan oleh pemiliknya, maka sudah tentu ia adalah kerugian kepada pemilik (Sudin Haron, 1996)

iii. Aktiviti Peminjaman dengan Konsep Gadaian (*al-Rahnu*)

Peminjaman dan penyimpanan merupakan dua aktiviti runcit perbankan moden yang sangat penting dalam produk perkhidmatan perbankan. Islam tidak melarang amalan hutang atau peminjaman kerana tujuannya suatu bentuk pertolongan. Rasulullah s.a.w. sendiri pernah membuat peminjaman ketika baginda ingin mendapatkan keperluannya tetapi amalan hutang tersebut dilakukannya dengan menggunakan konsep gadaian (*al-Rahn*) sebagaimana yang diriwayatkan dalam suatu hadis oleh Saidatina ⁶A'isyah yang berkata:

Nabi s.a.w. pernah membeli makanan daripada seorang Yahudi dengan harga yang dihutang. Sebagai tanggungan atas hutangnya itu Nabi s.a.w menyerahkan baju besinya. (Ibn Hajar Asqalani, Syihab al-Din Syaykh al-Islam Abu al-Abbas, 1988)

Hadis di atas, menjelaskan bahawa aktiviti peminjaman juga adalah harus menggunakan konsep muamalah lain selagi ia tidak menyalahi hak-hak pihak yang berakad menurut syarak seperti amalan gadaian tersebut. Baginda s.a.w telah menunjukkan banyak konsep dan prinsip muamalah yang boleh diamalkan sebagai kaedah peminjaman atau hutang. Apa yang jelas kini amalan peminjaman dengan prinsip *al-Rahn* telah menjadi salah satu kaedah bagi produk perbankan Islam yang digunakan secara meluas dan mampu bersaing dengan amalan perbankan konvensional.

iv. Aktiviti Pertukaran Wang dan Penggunaan Cek

Aktiviti pertukaran wang bukan suatu yang baru di mana pada zaman Rasulullah s.a.w. terdapat kes-kes yang melibatkan pertukaran wang

dalam kalangan ahli perniagaan dan perdagangan dan baginda s.a.w. sering menjadi tempat rujukan apabila berlaku sesuatu perselisihan yang berkaitan dengan aktiviti pertukaran wang tersebut. Antara peristiwa yang dicatatkan ialah sebuah riwayat daripada Abu al-Minhal yang bertanyakan kepada al-Bara' bin 'Azib dan Zayd bin Arqam mengenai amalan pertukaran wang. Mereka bertanya kepada baginda s.a.w. dalam hal tersebut, lalu baginda bersabda yang bermaksud:

Jika daripada tangan ke tangan, ia bukanlah satu kesalahan, selain itu ia tidak dibenarkan. (Ibn Hajar Asqalani, Syihab al-Din Syaykh al-Islam Abu al-'Abbas, 1988)

Menurut riwayat, dalam *al-Rihalah al-Farisi* (pegembaraan Parsi), pada kurun yang ke lima belas hijrah, terdapat golongan penukar wang yang menjalankan aktiviti pertukaran wang di Basrah, dan menjadi kebiasaan mereka adalah bagi tujuan perdagangan serta mematuhi peraturan-peraturan tertentu. Pedagang-pedagang Islam yang selalu berulang alik dari sebuah negara ke negara lain telah mendapatkan perkhidmatan penukar wang tersebut dalam urusan perdagangan. Katanya lagi, ketika itu terdapat tiga pasar utama di Basrah iaitu pasar *Khaza'ah*, pasar *Uthman* dan pasar *al-Qadahin* yang menjalankan urusan penukar wang yang ditukar dengan cek (*Sak al-Sarafah*). Menurut Ibrahim bin Salih Umar bahawa peristiwa amalan cek kembara tersebut berlaku pada tahun 400 Hijrah bersamaan 1010 Masihi (Ibrahim bin Salih 'Umar, 1996)

Pada pertengahan kurun yang ke empat hijrah diriwayatkan *Sayf al-Dawlah al-Hamdani* seorang *Amir di Aleppo* telah menggunakan cek semasa lawatan beliau ke Baghdad dan tiada seorang pun mengenali-nya. Kemudian, beliau telah pergi ke tempat *bani Khaqan* untuk mendapat sesuatu perkhidmatan tanpa dikenali dan kemudian apabila beliau hendak pulang, ia telah meminta *al-Dawat* iaitu suatu jenis alat tulis atau pen, lalu menulis nilai seribu dirham pada kertas tersebut dengan alamat penukar-penukar wang (*al-Sayarif*) di Baghdad kepada tuan kedai itu. Dengan kertas tersebut tuan kedai telah pergi mendapatkan wangnya daripada penukar wang yang tertulis itu dan diberikan kepadanya sejumlah wang dinar tertentu. Tuan kedai itu telah diberitahu bahawa orang yang memberikan cek tersebut ialah *Sayf al-Dawlah* (Abd. al-Aziz al-Dawri, 1969). Hal tersebut, jelas menunjukkan bahawa aktiviti pertukaran wang bukan suatu yang asing dalam amalan masyarakat awal Islam.

v. Aktiviti Kiriman Wang

Dalam sejarah Islam terdapat juga amalan kiriman wang dijalankan dengan sistematik. Amalan tersebut sama maksudnya dengan kisah Ibn al-Abbas yang selalu mengambil al-*warik* (sejenis mata wang daripada perak dan dilebur untuk menjadi mata wang dirham) dan menulis tanda penerimaan *El-Kufa* yang menunjukkan aktiviti kiriman wang. Amalan ini, juga digunakan oleh Abdullah bin al-Zubayr yang mengambil wang daripada orang Makkah dan kemudian menuliskan pengesahan penerimaan untuk dikirimkan kepada adik beliau iaitu Mis'ab bin al-Zubayr di Iraq, di mana penyimpan (pendeposit) itu boleh mengambil wang tersebut di sana (Sudin Haron, 1996); Subhi al-Saleh, 1983). Dalam perbankan Islam kemudahan kiriman wang atau penghantaran wang dapat membantu individu yang ingin menghantarkan wang kepada pihak-pihak tertentu dengan selamat.

vi. Aktiviti Surat Kredit dalam Perniagaan

Dalam perdagangan dan perniagaan amalan pembayaran bil melalui perbankan amat penting bagi memudahkan urusan pembelian dan pembayaran. Dalam hal ini, sejarah Islam juga ada mencatatkan wujudnya amalan seumpama surat kredit sebagaimana menurut Dr. Subhi al-Saleh yang menyatakan dalam tulisan beliau, bahawa penggunaan surat kredit telah berleluasa di Basrah. Surat-surat tersebut, biasanya ditandatangani oleh dua orang saksi dan dimetrikkan dengan lilin atau dengan tanah. Di kota Basrah golongan peniaga sering menyelesaikan hutang-hutang mereka secara penghantaran (*tranferation*) daripada seseorang kepada yang lain di bandar yang sama atau di antara dua bandar yang berlainan (Subhi al-Saleh, 1983).

vii. Aktiviti Pelaburan

Orang Makkah sebelum Islam hanya tahu menggunakan wang dengan dua cara. Pertama, memberikan wang kepada orang lain untuk diniagakan iaitu *al-Qirad* atau *al-Mudarabah* yang bermaksud berkongsi keuntungan. Kedua, meminjamkan wang dengan berkonsepkan riba (*faedah*). (Concise H.A R. Gibb and J.H. Kramers, 2001). Tetapi Islam telah mengajar umatnya bahawa pelaburan boleh membawa keuntungan yang besar di mana zaman awal Islam masyarakat telah mengamalkan amalan pelaburan dengan begitu aktif (Sudin Haron, 1996). Aktiviti Pelaburan merupakan salah satu daripada tiga aktiviti utama sistem perbankan. Melalui kaedah ini,

pihak bank dan pihak pelabur akan mendapat keuntungan secara adil dan saksama sebagaimana yang telah dipersetujui. Dalam sejarah Islam aktiviti pelaburan yang dikenali sebagai *al-Qirad* atau *al-Mudarabah* merupakan konsep penting dalam perniagaan. Pelaburan atau *al-Qirad* (*al-Mudarabah*) merupakan salah satu amalan yang telah diamalkan pada zaman jahiliyyah kemudian amalan ini diteruskan dalam Islam kerana ia tidak bertentangan dengan Syariat Islam. Hujah ini memberikan kefahaman bahawa amalan muamalah itu asalnya adalah harus sehingga ada dalil mengharamkannya (Umar Abdullah Kamil 2003). Namun masyarakat Jahiliyyah ketika itu masih mengamalkan amalan riba ketika membuat pelaburan. Islam amat menentang keras amalan riba sebagaimana firman Allah s.w.t. yang bermaksud :

“Padahal Allah telah menghalalkan berjual-beli dan mengharamkan riba” (Surah al-Baqarah: 275)

Sejarah Pelaksanaan Perbankan Islam

Kejayaan pelaksanaan perbankan Islam adalah hasil kebijaksanaan para ulama’ dan sarjana Islam dalam memahami amalan-amalan muamalat yang berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah, mereka berjaya membentuk amalan tersebut sebagai instrumen-instrumen kepada sistem perbankan Islam moden seperti prinsip *al-Wadi’ah* sebagai kemudahan simpanan, prinsip *al-Bay’* dan *al-Ijarah* sebagai kemudahan pembiayaan, Prinsip *al-‘Ujr* dan *al-Ijarah* sebagai kemudahan upah perkhidmatan dan prinsip *al-Mudarabah*, *al-Musyarakah*, *al-Wakalah* sebagai kemudahan pelaburan dan perkongsian.

Instrumen-instrumen perbankan Islam tersebut telah berjaya dioperasikan sejak bank Islam ditubuhkan pada tahun 60-an hinggalah ke hari ini. Menurut Dr. Joni Tamkin berkaitan dengan sejarah perbankan Islam telah menjelaskan bagaimana perkembangan awal perbankan Islam di mana prinsip perkongsian untung menjadi asas terhadap mekaniisma bagi operasi perbankan Islam Ianya dikemukakan oleh Dr. Muhammad Uzair pada dekad 40-an dan kemudian diikuti dengan penulisan yang lebih komprehensif pada dekad 60-an hingga 70-n oleh Dr. Abdullah Al-Araby, Prof. Muhammad Nejatullah Siddiqi, Mahmud Ahmad, Dr Ahmad Muhammad Abd. Al-Aziz Al-Najjar, Muhammad Baqir al-Sadr, Mustafa °Abdullah al-Hamshari, Dr. Muhammad Abd. Mannan dan lain-lain lagi (Joni Tamkin, 2000).

Para ulama dan golongan intelektual Islam di abad ke-20, berusaha melihat semula pandangan-pandangan ulama silam serta berpandangan bahawa pintu Ijtihad sentiasa terbuka. Mereka bergerak merangka sistem perbankan Islam moden dengan merujuk prinsip-prinsip tersebut. Dengan usaha mereka serta sokongan umat Islam seluruhnya maka idea SPI berjaya dihasilkan. Pada tahun 1963 pelaksanaan SPI melalui Syarikat Mit Ghamr di Mesir menjadi sejarah bank Islam Moden pertama di dunia. Kejayaan Mit Ghamr membuktikan bahawa bank Islam boleh dilaksanakan dalam dunia moden. Kejayaan ini juga adalah disebabkan beberapa faktor lain seperti lahirnya ramai ulama dan pakar Islam (Ahmad Hidayat Buang (Dr) (1997), *op.cit.*, h. 121 – 122; Muhammad Kamal Azhari (1993), *op.cit.*, h. 40) dalam bidang ekonomi, kewangan dan muamalah Islam. Mereka berjaya merangka produk atau perkhidmatan perbankan Islam sesuai dengan sistem perbankan semasa.

Selain itu, wujudnya gerakan islamisasi melalui konsep membuka semula pintu Ijtihad dalam agenda memperjuangkan fikrah ekonomi Islam serta melihat perlunya menubuhkan bank Islam. Tanpa kefahaman ini proses islamisasi perbankan tidak akan berjaya difahami. Pelbagai cara telah digunakan bagi mengembangkan serta menjelaskan kefahaman tersebut seperti tulisan, ceramah, forum dan sebagainya.

Di antara sarjana Islam yang telah berjasa mengembangkan pemikiran ekonomi Islam ini ialah seperti Muhammad al-Ghazzali, Syed Qutub, Al-Maududi, Dr. Muhammad Darar, Abu Zahrah, Dr. Khalaf, Mustafa Al-Suba'i, Mustafa al-Zarqa', Iqbal Qureshi, Naeim Siddiqi, Syaykh Mahmud Ahmad, Muhammad al-Siddiqi, Al-Najjar, Muhammad Baqir al-Sadr, Abdullah al-^cArabi, Muslehudin, M.A Mannan dan ramai lagi (Muhammad Nejatullah Siddiqi (1980), "Muslim Economic Thinking: A Survey of Contemporary dalam Khurshid Ahmad (ed) *Studies in Islamic Economics*, UK: Islamic Foundation, h. 219 -229; Muhammad Nejatullah Siddiqi (1989), *Pemikiran Ekonomi Islam Suatu Tinjauan Penulisan Semasa*, Mohd Amin Abdullah (terj), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 42. ; Yusuf al-Qaradawi (1995), h. 12 -13; Joni Tamkin bin Borhan (Dr) (2000), *op.cit.*, h. 110- 112; Sharifah Faigah Syed Alwi (2004), "Pembiayaan Hutang Dalam Kewangan Islam: Amalan Di Bank Islam Malaysia Berhad", (Tesis Sarjana Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004), h. 110.). Faktor ini

didominankan lagi dengan kebencian umat Islam yang tidak mahukan sistem perbankan berasaskan riba.

Oleh itu, para ulama telah mengeluarkan fatwa-fatwa yang menunjukkan wajibnya mewujudkan perbankan tanpa riba. Hasilnya, pada tahun-tahun 70-an dan 80-an bank-bank Islam telah tumbuh seperti cendawan khususnya di Asia Barat. Kejayaan bank-bank Islam tersebut telah menarik minat masyarakat dunia kepada perbankan Islam yang berasaskan perkongsian untung dan rugi. Islam juga amat menekankan prinsip-prinsip dan nilai-nilai mulia dalam sistem perbankan Islam seperti pengagihan kekayaan secara adil, amanah, jujur dan sebagainya.

Aktiviti-aktiviti perbankan Islam yang diperkenalkan bukan sahaja berbentuk simpanan atau pinjaman sahaja, malahan ia telah berjaya dimajukan dengan meliputi pelbagai bentuk kemudahan perbankan moden yang berdaya maju Menurut Abdel Halabi *et al.*, kini pelbagai bentuk kemudahan perbankan Islam yang telah diamalkan lebih daripada 60 negara termasuk negara-negara bukan-Islam di mana traksaksi kewangannya lebih daripada USD 200 bilion setahun. Manakala Malaysia kini telah mempunyai lebih daripada 50 produk perbankan Islam.

Manakala sejarah perbankan Islam di dunia Islam telah bermula sejak pertengahan dekad 50-an lagi dengan penubuhan Syarikat Pinjam-meminjam Peladang di Pakistan, kemudian pada dekad 60-an Syarikat Mit Ghamr di Mesir pula beroperasi sebagai bank Islam. Kejayaan yang tidak disangka berlaku kepada Syarikat Mit Ghamr memberi satu suntikan yang bersemangat kepada seluruh umat Islam di dunia. Oleh itu, pada tahun 70-an berlaku perkembangan perbankan Islam dengan pesat sekali di dunia Islam di negara-negara Islam Timur Tengah seperti Mesir, Arab Saudi, Sudan dan negara-negara Teluk seperti Kuwait dan Bahrain dan juga Pakistan (Ahmad Hidayat Buang, 1997).

Walaupun bank Islam pertama di Malaysia ditubuhkan pada tahun 1983, namun amalan pelaburan dengan prinsip al-Mudharabah telah pun dilaksanakan dan dirasai masyarakat Islam di Malaysia melalui operasi Lembaga Tabung Haji sejak ia dibangunkan pada tahun 1963 iaitu sebelum bank Islam ditubuhkan. Manakala amalan al-Murabahah, Bai Bithaman Ajil melalui pembiayaan Islam juga telah diamalkan sekitar tahun 70-an oleh Koperasi Belia Islam Malaysia (Ausaf

Ahmad, 1995). Manakala roh perbankan Islam telah muncul lebih awal lagi iaitu dalam tahun awal 40-an di mana umat Islam sudah tidak mahu berurusan dengan mana-mana perkhidmatan kewangan yang mengamalkan unsur riba sehingga terdapat pula dakwaan riba harus berlaku oleh tokoh Melayu yang seperti Fatwa Hj. Abas Mohd. Taha dan pandangan Abdul Rahim Kajai (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 1998). Penubuhan bank Islam di Malaysia telah menjawab bahawa tiada riba yang harus dan umat Islam wajib menggunakan perbankan Islam dalam transaksi perbankan.

Hubungan Malaysia-Asia Barat dalam Perkembangan Perbankan Islam

Sejarah perbankan Islam di Malaysia bermula pada tahun 1983 dan kelahirannya adalah sebahagian daripada senario perkembangan perbankan Islam di Asia Barat. Secara umumnya penubuhan bank Islam di Malaysia dipengerahui oleh tiga faktor utama iaitu:

- 1) Gesaan masyarakat Islam Malaysia yang inginkan sistem perbankan tanpa riba (Abd. Rashid bin Hj. Dail, 1994)
- 2) Kejayaan bank-bank Islam di Timur Tengah pada tahun 1975 seperti *Dubai Islamic Bank* (DIB), *Islamic Development Bank* di Arab Saudi (IDB) dan bank-bank Islam yang lain (Joni Tamkin bin Borhan, 2001); Abd. Halim Ismail, 1983).
- 3) Peranan Pertubuhan Bank Islam Antarabangsa (PBIAB) atau *The International Association of Islamic Banks* (IAIB) yang ditubuhkan pada tahun 1978 bagi membantu penubuhan bank-bank Islam Muhammad al-Buraey, 1992).

Kejayaan bank-bank Islam di Asia Barat dan Timur Tengah telah menjadi pendorong utama penubuhan bankan Islam di Malaysia dan perkembangannya sehingga hari ini. Antara Negara-negara Asia Barat yang telah menubuhkan bank Islam seperti Dubai (1975), Arab Saudi, Kuwait (1978), Jordan (1978), Bahrain (1979), Iran (1979), Qatar dan lain-lain (Ahmed Abdel-Fattah El-Ashker,(t.t); Muhammad al-Buraey, 1992; Jamal al-Din 'Atiyyah, 1993; Sudin Haron, 1996; Ab. Mu'min Ab. Ghani, 1999;Joni Tamkin bin Borhan, 2000).

Bank-bank Islam tersebut telah menunjukkan peningkatan keuntungan dan juga pendeposit dari tahun ke tahun. Prestasi yang cemerlang ditunjukkan oleh Bank Islam Dubai (1975) yang mana ia memiliki saham-saham besar dalam industri tertentu di Dubai. Baitul Mal Kuwait, berjaya meningkatkan modal asetnya dari 26 juta kepada 76

juta, dengan keuntungan dari 5 juta kepada 37 juta dirham Kuwait hanya dalam tempoh yang singkat iaitu dari tahun 1978 hingga 1983. *Faisal Islamic Bank* di Sudan, asetnya dimiliki oleh masyarakat Arab Saudi 40%, 40% masyarakat dan pemerintah Sudan sebanyak 40% dan 20% bangsa-bangsa Arab lain.

Manakala Bank Islam Faisal di Mesir asetnya dimiliki oleh 49% dimiliki oleh masyarakat Arab Saudi dengan bangsa Arab lain dan masyarakat dan pemerintah Mesir 51%. *Jordan Islamic Bank* dengan aset 98.7% dimiliki oleh masyarakat Jordan serta berjaya meningkatkan modal aset dari 16 juta kepada 45 juta dirham Jordan bagi tahun 1980 -1982 dengan keuntungan 0.014 juta kepada 0.864 juta dirham.

Selain itu, Iran, Sudan dan Pakistan telah mengambil langkah menukarkan sistem perbankan masing-masing kepada perbankan Islam secara menyeluruh (Sudin Haron, 1996; Nor Mohammed Yakcop, 1996). Iran telah mengerakkan usaha menukarkan sistem kewangannya kepada SPI setelah berlakunya revolusi di Iran pada tahun 1979. Namun proses islamisasi sistem banknya tidak berlaku sekaligus tetapi mengambil masa selama enam tahun. Langkah awalnya, pada tahun 1981, kerajaan Islam Iran telah mengarahkan supaya sistem bank riba ditukar kepada sistem caj perkhidmatan (*service charge*). Seterusnya, Iran telah mewujudkan undang-undang bank Islamnya iaitu *Law for Usury-Free Banking* pada tahun 1983 dan pada Mac 1985 seluruh bank di Iran adalah berdasarkan SPI (Sudin Haron, 1996).

Semua bank-bank Islam di Asia Barat dan bank-bank Islam di Timur Tengah yang mana asetnya disumbang oleh masyarakat Arab Asia Barat telah telah berjaya menunjukkan prestasi di luar jangkauan memberi satu kepercayaan yang tinggi untuk Malaysia menubuhkan bank Islam.

Institusi yang memainkan peranan yang paling besar dalam menyumbang perkembangan sistem perbankan Islam di dunia ialah Bank Pembangunan Islam (BPI) atau *Islamic Development Bank* (IDB) (Muhammad al-Buraey (1992)). IDB ditubuhkan pada tahun 1975 di Jeddah, Arab Saudi berdasarkan Perisytiharan Hasrat (*Declaration of Intent*) dalam persidangan menteri-menteri Kewangan negara-negara Islam di Jeddah pada bulan Zulkaedah 1393 (S.A. Meenai (1989). Penubuhan IDB adalah hasil cadangan 20 negara pertubuhan

persidangan Islam (OIC) dalam bulan Mei 1971 Pembabitan Malaysia dalam OIC telah bermula sejak awal penubuhannya di Rabat Maghribi pada 25 september 1969.

Malaysia negara pertama menduduki kerusi sekretariat OIC di Jeddah dengan Tunku Abd. Rahman. Malaysia merupakan di antara kerajaan pertama yang menghulurkan wang bagi penyediaan bagi pembentukan IDB bersama tujuh penyumbang lain iaitu Libya, Arab Saudi, Kuwait, Emiriah Arab Bersatu, Turki, Iraq dan Mesir (Berita Harian, November 5 2002:23, “*IDB Mahu Capai Prestasi Lebih Baik*”). Menurut Dr. Sudin Haron kewujudan IDB adalah hasil resolusi yang dibuat di Persidangan Kedua Menteri Luar Negara-Negara OIC yang bersidang di Karachi, Pakistan pada Disember 1970 (Sudin Haron, 1996). Tujuan penubuhannya ialah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan perkembangan sosial negara anggota dan umat Islam di samping menyertai badan antarabangsa lain dengan prinsip syariah.

IDB telah membiayai beratus projek pembangunan ekonomi dan kemajuan sosial di negara-negara Islam termasuk Malaysia seperti Bank Pembangunan Malaysia. Selain itu, IDB juga telah memperkenalkan pelaburan Sukuknya di mana pada tahun 2003, mesyuarat IDB yang ke 28 di Almyty Kazazkthan, Dr Ahmad Mohammad Ali presiden jawatankuasa tetap perdagangan OIC ketika itu menyatakan bahawa kejayaan sasaran Sukuk sebanyak RM 114 biliion (US 30 billion) dan telah mendapat penarafan AAA daripada United State (Berita Harian, September 28, 2003:B3, “*IDB harap dagangan antara ahli OIC meningkat*”). Kejayaan-kejayaan IDB hakikatnya menunjukkan bahawa berjayanya hubungan Malaysia dengan negara-negara Asia Barat merealisasikan perbankan Islam dengan ruh Islam khusus dalam pembangunan perbankan Islam.

Selain IDB, Malaysia juga terlibat dalam Persatuan Bank-bank Islam Antarabangsa (PBIA) juga memainkan peranan yang besar dalam perkembangan bank-bank Islam di seluruh dunia. PBIA telah ditubuhkan pada tahun 1977 dan kini ibu pejabatnya di Jeddah. Penubuhannya adalah banyak bergantung kepada usaha gigih Putera Mohammad al-Faisal al-Saud. Peranannya menggalakkan penubuhan bank-bank Islam dan memajukan kerjasama di kalangan bank-bank Islam serta menyelaraskan segala aktivitinya. PBIA telah dianggotai oleh semua negara yang telah menubuhkan bank Islam. PBIA menyediakan perkhidmatan nasihat atau perundingan (*consultant*)

kepada mana-mana pihak yang berminat untuk merangka dan menubuhkan bank Islam di semua peringkat. Penubuhannya sebagai satu langkah bagi menyatukan diri dan mengeratkan kerjasama antara mereka hingga peringkat antarabangsa. Persatuan ini telah mempelopori penubuhan Institut Antarabangsa Bank-Bank dan Ekonomi Islam (*International Institut for Islamic Banking and Economics*) di Cyprus, Turki. Dengan wujudnya PBI, pembangunan perbankan Islam di Malaysia sudah pasti tidak dapat dinafikan. Manfaatnya berlaku samada Malaysia menyumbang kepakaran dan juga menerima kepakaran daripada pengalaman bank-bank Islam lain.

Apa yang pasti bahawa jumlah institusi perbankan Islam di dunia telah melebihi daripada 240 buah yang pernah dicatat pada tahun 2004. Manakala dana kewangan Islam berkembang sehingga 15% - 20% setahun (Utusan Malaysia, April 7, 2004:21, “*Kewangan Islam Global berkembang 15% setahun*”).

Perkembangan Sistem Perbankan Islam di Malaysia

Kini peranan Malaysia menjadi semakin menjadi penting apabila perkembangan perbankan Islam di dunia amat berkait rapat kepada faktor perkembangan perbankan Islam di Malaysia. Malaysia telah menjadi model perbankan Islam yang berdaya maju setelah beberapa kali mengambil langkah berani dalam pemabngunan perbankan Islam. Di Malaysia juga perbankan Islam bukan sahaja dilanggan oleh umat Islam malah bukan Islam lebih berminat menggunakan perbankan Islam. Oleh itu, demi menjamin kesinambungan kejayaan perbankan Islam seterusnya, ia hendaklah diuruskan secara profesional dan adil. Di sini lah kekuatan perbankan Islam di Malaysia dengan prinsip keterbukaan dalam membuat keputusan berkaitan isu-isu perbankan Islam.

Kejayaan perbankan Islam di Malaysia bermula dengan keputusan memberi keistimewaan kepada BIMB untuk beroperasi secara bersendirian atau tanpa persaingan selama 10 tahun. Di sini lah rahsia kejayaan bank Islam di Malaysia. Peningkatan pendeposit dalam BIMB mendorong bank-bank konvensional ingin sama-sama terlibat dalam menawarkan SPI. Pada tahun 1993 kerajaan telah membenarkan bank-bank konvensional menawarkan SPI melalui Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) (Bank Negara Malaysia, 1994). Manakala pada 1 Oktober 1999, sebuah lagi bank Islam ditubuhkan di Malaysia

iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) yang asalnya adalah Unit Perbankan Muamalat dalam Bank Bumiputera Malaysia Berhad (BBMB), di mana unit ini telah menjadi sebuah Bank Islam (Mohd Daud bin Awang, 2007). Malaysia juga telah memperkenalkan perkhidmatan kad kredit seperti Ambank berjaya menawarkan kad kredit secara Islam sejak tahun 1996 dan perkhidmatan internet yang menjadi kaedah yang paling kepada pengguna dalam sistem perbankan moden.

BIMB sebagai pelopor perbankan Islam berjaya menerima anugerah laksanakan GCMS daripada *Intelligent 20 Award* kerana kejayaan melaksanakan “Sistem pengurusan Penjelasan Global MasterCard”. *MC International* juga mengiktiraf BIMB sebagai bank pertama di dunia melaksanakan GCMS pada Januari 2002. Secara keseluruhannya perkembangan SPI di Malaysia menunjukkan peningkatan yang baik dari tahun ke tahun. Pada tahun 1983 hingga 2000 perbankan Islam menguasai sekitar 4 % hingga 5 % dalam sektor perbankan negara di mana peningkatan pada akhir tahun 90-an adalah lebih tinggi daripada sebelumnya.

Faktor penglibatan bank-bank konvensional pada tahun 1993 adalah suatu langkah bijak negara bagi meluaskan peranan perbankan Islam. Pada tahun 2001, ia meningkat kepada 6 % - 6.9 % dan terus meningkat kepada 8.2 % pada akhir tahun 2002. Pada tahun 2002 juga, kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah bagi meluaskan operasi perbankan Islam seperti melancarkan Sukuk. Hasilnya pada tahun 2003 SPI negara mencapai ke paras 9.2% dan 9.4 % pada akhir tahun yang sama. Pada tahun 2004 SPI berjaya menguasai sehingga 9.5 % dan 9.9 % pada akhir tahun. Kejayaan Malaysia dalam mewujudkan perbankan Islam menjadi contoh kepada negara-negara Islam dan dunia umumnya.

Selain itu, Malaysia juga mewujudkan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam atau *Islamic Financial Services Board (IFSB)* di Labuan bagi melengkapkan prasarana SPI yang membabitkan perakaunan dan perundangan dalam aspek Syariat Islam pada November 2002. IFSB juga akan ada piawai yang akan menjadi model peringkat antarabangsa dan akan meyakinkan orang ramai dengan sistem kewangan Islam. Usaha ini telah mendapat persetujuan pada mesyuarat *International Monetary Fund (IMF)* di Washington April yang dihadiri oleh Gabenor Bank Pusat Negara Islam, wakil IDB

dan wakil Persatuan Akauntan dan Audit Untuk Institusi Kewangan Islam atau *The Accounting and Auditing Organization For Islamic Financial Institutions* (AAOIFI). Malaysia mampu memberikan latihan dalam industri kewangan dan perbankan Islam kepada negara serantau. Kajian dan pembangunan produk perlu digiatkan untuk menembusi pasaran yang berpotensi bagi produk kewangan ini contohnya Sukuk (Bon Global Islam) yang telah dinyatakan sebelum ini. Kata Datuk Dr. Shafie Mohd Salleh lagi, Bank Pelaburan Malaysia perlu meningkatkan kapasiti dan kemampuan untuk menjadi bank bertaraf dunia.

Langkah berani lagi apabila, kerajaan Malaysia mula mengeluarkan tiga lesen SPI kepada bank-bank asing pada tahun 2003. Hal ini, adalah usaha liberalisasi SPI agar dapat mewujudkan suasana persaingan yang sihat. Sebelum memasuki arus globalisasi, Malaysia telah mewujudkan beberapa prasarana SPI agar ia dapat dibangunkan dengan seimbang seperti Pusat Kewangan Islam di Labuan (IIFC), pertambahan bursa saham Islam dan lain-lain. Perkembangan ini adalah usaha kerajaan mensasarkan matlamatnya dalam wawasan 2020 supaya perbankan Islam akan menguasai 20% perbankan negara dengan pertumbuhan sebanyak 40%. Ini terkandung dalam perancangan negara untuk menjadi negara terunggul dalam SPI dunia.

Malaysia sebagai negara termaju dalam perbankan Islam telah memberi khidmat kepada lebih 4000 organisasi dalam SPI termasuk Asia Barat di dunia seperti Kuwait, Arab Saudi dan lain-lain. Malaysia juga berjaya membantu Brunei dan Indonesia terhadap penubuhan bank Islam di Indonesia dan Sri Langka (Mohd Daud bin Awang, 2007). Keistimewaan Malaysia ini di nyataka oleh seorang penulis perbankan Islam iaitu Radiah Abd. Kader katanya:

“The Malaysian Islamic Financial system has also been recognized by other Islamic countries as the model of the future. The BIMB model served as the ‘blueprint’ for the Bank Muamalat Indonesia (1992) and the Islamic Bank of Brunei (1993). Saudi Arabia and Sri Langka have also shown keen interest to implement a similar system in their respective countries”(Radiah Abd. Kader & Mohamed Ariff , 1997)

Kesimpulannya SPI di Malaysia berjaya dibangunkan dan dikembangkan dengan kejayaan demi kejayaan di samping cabaran dan kesungguhan demi memartabatkan perbankan Islam serta menjadi contoh kepada bank-bank Islam lain.

Pemeriksaan Perbankan Islam dalam Hubungan Malaysia-Asia Barat

Daripada perbincangan di atas menunjukkan bahawa Malaysia tidak akan berjaya secara bersendirian dan negara-negara Asia Barat juga mungkin tidak dapat berkembang dengan pantas tanpa Negara seperti Malaysia dalam membangunkan perbankan Islam. Dalam perkembangan perbankan Islam, Malaysia telah berjaya menunjukkan daya saing yang sangat tinggi apabila berjaya memperkenalkan produk-produk yang inovatif dalam perbankan Islam. Namun tanpa dana yang besar pembangunan perbankan Islam mungkin akan terbantut atau berada dalam kerisauan untuk terus bersaing, di sini lah kelebihan beberapa negara Asia Barat yang kaya dan mampu bekerjasama dengan Negara umat Islam yang lain seperti Malaysia.

Bagi memperkasakan pembangunan perbankan Islam, isu pembangunan perbankan Islam perlu dilihat dengan luas mencakupi pembangunan ekonomi Islam secara menyeluruh. Di sini dicadangkan beberapa perkara perlu dilakukan sehingga kita akan melihat semangat Tauhid atau penyatuan secara menyeluruh umat Islam berlaku di abad ini. Oleh itu, hubungan Malaysia-Asia Barat perlu merancang pembangunan perkara-perkara tersebut iaitu:

1. Mewujudkan Bank Pusat Islam Antarabangsa
2. Perbankan Islam perlu dijadikan agensi kewangan dalam pembangunan Hub Halal
3. Membentuk produk yang lebih inovatif dan berdaya saing serta mempunyai unsur kebajikan yang baik melalui kajian dan penyelidikan dalam kewangan Islam.
4. Mewujudkan garis panduan perbankan Islam yang lebih mantap serta menjamin martabat Islam.

KESIMPULAN

Dari sudut peradaban menunjukkan bahawa sistem perbankan Islam moden adalah suatu sistem yang berdasarkan kepada aktiviti muamalat dalam Islam. Pada zaman awal Islam baginda s.a.w dan para sahabat telah memperbetulkan muamalat dalam kalangan masyarakat Arab. Pelbagai aktiviti muamalat yang adil telah diajar kepada umat Islam. Perkembangan berlaku pada zaman-zaman berikutnya sehingga penggunaan wang Islam telah sampai ke seluruh dunia. Apabila sistem perbankan konvensional diperkenalkan kepada masyarakat dunia, maka umat Islam telah terpaksa menggunakan amalan riba dalam urusan niaga kewangan. Pada tahun 60-an umat Islam berjaya membangunkan perbankan Islam bermula di negara-negara Arab dan akhirnya di kebanyakan negara umat Islam. Berasaskan hukum-hukum muamalat perkhidmatan perbankan Islam berjaya dibangunkan oleh para ulama' dan sarjana Islam.

Oleh itu, sistem perbankan Islam telah menjadikan amalan-amalan urusan niaga yang telah diajarkan oleh baginda S.A.W di atas telah dijadikan sebagai prinsip-prinsip perkhidmatan perbankan Islam moden yang merupakan ajaran Islam yang lengkap sepanjang masa dan zaman. Oleh itu, sejarah Islam dalam sistem ekonomi memperlihatkan hubungan dan kaitan aktiviti muamalah dalam sejarah Islam dengan pelaksanaan SPI secara moden hari ini sebagai suatu hubungan yang menggambarkan kesempurnaan Islam yang unggul. Dalam penulisan di atas menunjukkan bahawa di sana terdapat hubungan Malaysia-Asia Barat menjadi negara yang giat memberi sumbangan dalam peradaban dalam perbankan Islam di peringkat dunia. Jadi usaha Malaysia-Asia Barat perlu diperkasakan bagi membangun urusan umat manusia agar dapat terus mengekalkan syiar Islam ini.

RUJUKAN

al-Qur'an al-Karim

Ahmad Zaki Hj. Abd Latiff. (1997). *Perbandaran di Timur Tengah Kesannya Terhadap Masyarakat Islam Abad I-III Hijrah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 139.

'Auf Mahmud (1987). *Al-Nuqud wa al-Masarif fi al-Nizam al-Islami*. Iskandariyyah: Dar al-Jami'at al-Misriyyah, hlm. 1 & 83.

Ahmad Al-Hasari (1986), *Al-Dawlah wa Siyasah al-Hukm fi al-Fiqh al-Islami*. Qaherah: Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah, hlm. 57- 58.

- Lee Sheng-Yi (1986), *The Monetary and Banking Development of Singapore and Malaysia*. Singapore: Singapore University Press, h. 21.
- ‘Abd. al-‘Aziz al-Dauri (1969). *Muqaddimah fi Tarikh al-Iqtisadi al-‘Arabi*. Beirut: Dar al-Tali ‘ah,
- ‘Abd. Mu’min Ab. Ghani. (1999), op.cit., h. 256;
- ‘Abas Husna Muhammad. (1984). *al-Ishtirad Li M aslahah al-Ghairi Fi al-Fiqh al-Islami Wa Qanun al-Muqarin*. Jeddah: Syarikat al-Maktabat ‘Ukat.
- ‘Abd. Hamid Mahmud al-Ba ‘li (1989). *Dawabit al-‘Uqud*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- ‘Abd. Rahman Nasir al-Sa ‘di. (1410 H). *Taisir al-Karim al-Rahman Fi Tafsir Kalam al-Manan*. Jil. 1. Riyad: al-Riasah al-Ammah Li Idarat al-Buhus al-Ilmyyah Wa al-Ifta’ Wa al-Dakwah Wa al-Irshad.
- ‘Abdul Sami ‘ al-Misri. (1990). *Muqawimat al-Iqtisad al-Islami*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- ‘Abd. Wahhab Khallaf. (1985). *Ilm Usul al-Fiqh*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- Ahmad al-Hasari. (1991). *Ilmu al-Iqtisadi*. Kaherah: Maktabah al-Kuliyyat al-Azhariyyah.
- Ahmad Yusuf. (1993). *‘Uqud al-Mu‘awadat al-Maliyah*. Qaherah: Dar al-Thiqafah li Nasr Wa al-Tauzi^C.
- Akmaluddin. (1316 H). al-Inayah. Dlm. *Fathu Qadir*. Kaherah: Maktabah al-Kubra al-Imirah.
- al-Amdi, ‘Ali Bin Muhammad al-Amdi. (1986). *al-Ahkam Fi Usul al-Ahkam*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi
- al-Bahuti, Shaikh Mansur Bin Yunus al-Bahuti. (1977). *Raudah al-Marba ‘ Sharhu Zad al-Mustaqna ‘*. Kaherah: al-Matba ‘ah al-Salafiah.
- al-Bajuri, Shaikh Ibrahim. (T.th). *Hashiyah al-Bajuri ‘Ala Ibn al-Qasim*. T.tpt. Dar Ihya al-Kutub al-‘Arabiyyah.
- al-Baijuri, Ibrahim al-Baijuri. (1994). *Hashiyah al-Shaikh Ibrahim al-Baijuri*. Jil. 1. Mekah: Maktabah Dar al-Baz
- al-Kasani, Abu Bakar ibn Mas ‘ud. (T.th). *Badai‘u al-Sanai‘u*. Beirut: al-Maktabah al-‘Ilmiyyah
- al-Mawardi, Abi al-Hussin ‘Ali ibn Habib. 1990. *Al-Ahkam al-Sultaniyyah wa al-Wilayat al-Diniyyah*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabi.
- al-Mubarakfuri, Muhammad Abd. Rahman Ibn Abd. Rahim al-Mubarakfuri. 1990. *Tuhfatu al-Akhuwazi*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Mu ‘jam al-‘Arabi al-Asasi. (T.th & t.tp). *al-Munazamah al-‘Arabiyyah Li al-Tarbiyyah Wa al-Thiqafah Wa al-‘Ulum*.
- al-Mu ‘jam al-Wasit. (1989). Istanbul: Dar al-Dakwah
- al-Muti ‘i, Muhammad Najib. (T.th). *Kitab al-Majmu ‘ Syarh al-Muhazzab Li Shirazi*. Jil. 9. Jeddah: Maktabah al-Irshad.

- al-Nawawi. (1987). *Sahih Muslim Bi Sharah al-Nawawi*. Jil. 5 . Kaherah. Dar al-Diyan Lil Turas.
- al-Sharbini, Shamsuddin Muhammad Bin Muhammad. (1994). *al-Iqna' Fi Hali Alfaz Abi Shuja'*. Jil. 2. Makkah: Maktabah Dar al-Baz.
- al-Sharbini, Shamsuddin Muhammad Bin Muhammad. (1994). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifatu al-Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Jil. 3 Makkah: Maktabah Dar al-Baz.
- al-Shaukani, Muhammad Ibn 'Ali. (T.th). *Nil al-Autar*. Jil. 5 & 6. Al-Kaherah: Dar al-Hadith.
- al-Shankiti, Muhammad al-Amin Mustafa al-Syankiti. (1992). *Dirasah al-Shariyyah Li Ahammu al-'Uqud al-Malyyah al-Mustahdathah*. Al-Madinah al-Munawarah: Maktabah al-'Ulum Wa al-Hikam.
- al-Shatibi, Abu Ishak al-Shatibi. (T.th). *al-Muwafaqat Fi Usul al-Syari'ah*. Jil. 1 & 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Sayyid Sabiq. (1990). *Fiqh al-Sunnah*. Jil. 3. Kaherah: al-Fath Lil 'Alam al-'Arabiy.
- al-Tarmizi Abi 'Isa Muhammad Ibn 'Isa Ibn Surah. (T.th). . *al-Jami' al-Sahih*, Jil. 3 . Beirut. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad Bin Ahmad al-Ansari. (1993). *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Jil. 3. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- 'Aqlah Ibrahim. (1987). *Hukma Bai Bi al-Taqsit Fi Syari'ah Wa al-Qanun*. Jordan: Maktabah Risalah Hadithah.
- Ibn 'Abidin, Muhammad Amin. (1979). *Hashiah Rad al-Mukhtar*. Jil. 1 & 4. Dar al-Fikr.
- Ibn al-'Arabi. (T.th) *Ahkam al-Quran*. Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Ibn Hajar al-'Asqalani. (1989). *Bulughu al-Maram*. Madinah al-Munawarah: Dar al-Bukhari.
- Ibn al-Humam, Kamaluddin Muhammad ibn. 'Abdul Wahid al-Siwasi. (1316H). *Sharh Fath al-Qadir*. Mesir: al-Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah
- Ibn Majah, al-Hafiz abi 'Abdullah Muhammad Bin Yazid. (T.th). *Sunan Ibn Majah*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Manzur. (1302H). *Lisan al-'Arab*. Jil. 1. Qaherah: Dar al-Ma'arif.
- Ibn Qudamah Abu Muhammad Abdullah ibn Ahmad ibn Muhammad. (T.th). *al-Mughni*. Jil. 4. Beirut 'Alam al-Kutub.
- Ibrahim Bin Muhammad. (1990). *Adab al-Tajir Wa Syurut al-Tijarah*. : Dar al-Sahabah Li al-Turas.
- M. Umer Chapra. (1990). *Kearah sistem kewangan Islam*. (Terj). Ismail Bin Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Majallah al-Iqtisad al-Islami. (1997). Bil 189. Dubai: *al-Matba'ah al-'Asriyyah*.
- Majallah al-Mujtama' al-Fiqh al-Islami*. (1988). Bil. 5. Jeddah.

- Muhammad 'Ali Uthman al-Fiqhi. (T.th). *al-Mu'amalah, al-Muqararah Baina al-Fiqh Wa al-Qanun*. Riyad: Dar al-Marikh.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi. *Perkonsian dan pengonsian untung dalam hukum Islam*. (Terj). Salmi Bahrom. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Muhammad Othman Shabir. (1996). *al-Mu'amalat al-Maliyah al-Mu'asarah Fi al-Fiqh al-Islami*. Jordan. Dar Nafais.
- Mu 'jam Lughatu al-Fuqaha'. (1988). Beirut: Dar Nafais.
- Mustafa al-Bugha, Mustafa al-Khin & 'Ali Sharbaji. 1991. *al-Fiqh al-Manhaji*. Jil. 6. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Nazih Hammad.1991. *Dirasat Fi Usul al-Madaniyyah Fi al-Fiqh al-Islami*. Taif: Dar al-Faruq.
- Nazih Hammad. (1993). 'Aqdu al-Salam Fi al-Syari'ah al-Islamiyyah Damsyik: Dar al-Qalam
- Nor Mohamed Yakcop. (1996). *Teori, amalan dan prospek sistem kewangan Islam*. . Kuala Lumpur: Percetakan Cergas.
- Taqiyudin Abi Bakar Bin al-Husaini al-Shafi 'i. (1991). *Kifayatu al-Akhyar Fi Halli Ghayatu al-Ikhtisar*. Makah al-Mukaramah: Al-Maktabah al-Tijariyah.
- Taqyuddin al-Nabhani. (1996). *Membangun sistem ekonomi Islam*. Surabaya: Risalah Gusti.
- Wahbah al-Zuhaili. (1989). *al-Fiqh al-Islami*. Jil. 4. Damsyik: Dar al-Fikri.
- Azlan Khalili. (2000), *Riba Alternatif dalam Sistem Bank Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Joni Tamkin bin Borhan. (2001). *Isu-Isu Syariah dalam Sistem Perbankan Islam*. Dlm. PEMIKIR, Kuala Lumpur: Utusan Publications
- Ahmad bin Yusuf bin Ahmad al-Darwish. (1989), *Ahkam al-Suq fi al-Islam wa Asariha fi al-Iqtisad al-Islami*. Riyad: Dar 'Alam al-Kutub Li al-Nasyr Wa Tauzi '.
- Ahmed Abdel-Fattah El-Ashker. (T.th). *The Islamic Business Enterprise*, London: CROOM HELM.
- Ibn Hajar 'Asqalani, Syihab al-Din Syaykh al-Islam Abu al-'Abbas((1988), *Fath al-Bari bi Syarh Sahih al-Bukhari*. Jld. 4, Kitab al-Buyu', bil. 2251 dan bil. 2252, bil. 2061, h. 348, Kaherah: Dar al-Diyan li al-Turath
- Mohd Bakir Hj. Mansor (ed). (1998). *Konsep Syariah dalam Sistem Perbankan Islam*, Kuala Lumpur: BIMB Institute Of Reseach And Training (BIRT).
- Ataul Huq Pramanik. (1998). *Pembangunan & Pengagihan Dalam Islam*. Terj. Amar Said Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Ahmad Hidayat Buang .(1997). *Muamalat Di Malaysia Suatu Tajdid atau Reaksi Pasaran dalam Dinamisme Pengajian Syariah*. Ed. Mahmood Zuhdi Hj. Abd. Majid Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd

- 'Abdullah Kamil. (2003). *Al-Ruhsah al-Syar'iyah fi al-Usul wa al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Arab Saudi: Maktabah al-Makkiyyah,
- Concise H.A R. Gibb and J.H. Kramers. (2001). *Encyclopedia of Islam*. Boston: Brill Academic Publishers, Inc.
- Al-Maududi. (1978). *The Economic Problem of Man and Its Islamic Solution*. Lahore: Islamic Publications Ltd.
- Ausaf Ahmad. (1995). The Evolution Of Islamic Banking. Dlm. *Encyclopedia of Islamic Banking and Insurance*. London: Institute Of Islamic Banking And Insurance
- Muhammad al-Buraey. (1992). *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam*. Dlm. Abdullah Md. Noor et al. (terj) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Jamal al-Din 'Atiyyah. (1993). *Al-Bunuk al-Islamiyyah*. Qatar: al-Mu'assasah al-Jam'iyah Li al-Dirasah Wa al-Nasyr Wa al-Tawzi'.
- Encyclopedia of Islamic Banking and Insurance (1995)
- S.A. Meenai. (1989). *The Islamic Development Bank: A Study of Islamic Co-Operation*, London: Kegan Paul International
- Radiah Abd. Kader & Mohamed Ariff. (1997). The Political Economy of Islamic Finance - The Malaysian Experience. Dlm. Masadul Alam Choudhury, Abdad M.Z and Muhammad Syukri Salleh (eds). *Islamic Political Economy In Capitalist-Globalization An Agenda For Change*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Dr Mohd Daud Bin Awang (Pensyarah Kanan)
Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor
E-mail: amdaud@upm.edu.my

Dr Amaludin Ab.Rahman (Pensyarah Kanan)
Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan
Fakulti Ekologi
Universiti Putra Malaysia
43400 Serdang, Selangor
E-mail: amal@upm.edu.my